

3 pemanah mara ke final

Palembang: Sekurang-kurangnya satu emas dan dua perak boleh dibawa pulang pemanah negara Khamis ini apabila tiga atlet negara mara ke final acara recurve dan compound selepas saingan separuh akhir di Venue Panahan Jakabaring, semalam.

Pemanah recurve wanita, Azuanis Abdullah akan ke final bertemu Indonesia manakala acara compound wanita menemukan dua atlet negara, Saritha Cham Nong dan Fatin Nur Fatehah Mat Salleh.

Saingan sukar

Bagi Saritha, kejayaan ke final adalah sesuatu diharapkan



Saritha

bagi mengekalkan dua emas dimenangnya pada AUG di Laos sebelum ini dalam acara compound individu dan berpasukan.

Cuma kali ini, pelajar Uni-



Fatin Nur Fatehah

versiti Putra Malaysia berusia 26 tahun dari Pengkalan Hulu, Perak itu terpaksa berdepan rakannya sendiri yang pernah ditewaskan dalam perebutan pingat gangsa pada Sukan SEA

Myanmar tahun lalu.

“Tidak kisah siapa yang menang kerana sudah pasti ia akan memberikan pingat emas buat negara.

“Saya akan cuba yang terbaik dan sesiapa yang beraksi lebih bagus pada final nanti dia akan menjadi juara,” katanya yang menyifatkan lapangan di situ panas dan agak berangin.

Sementara itu, pengurus pasukan Suhardi Abdullah berkata, pihaknya menasaskan empat emas pada kali ini, dua kurang daripada catatan dua tahun lalu.

“Kali ini kita hanya ada lima atlet kebangsaan daripada keseluruhan 16 atlet. Indonesia juga membawa ramai atlet Sukan SEA serta Sukan Asia bagi memungut seberapa banyak pihak emas di sini, jadi saingannya agak sukar,” katanya.